

# UPACARA PENUTUP KARNIVAL SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN ATM TAHUN 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4050-upacara-penutup-karnival-sukan-antara-perkhidmatan-atm-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4050-upacara-penutup-karnival-sukan-antara-perkhidmatan-atm-tahun-2018)

ALOR SETAR, 26 Okt 18 - Upacara Penutup Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM Tahun 2018 telah diadakan bertempat di Dewan OMQ, Kolej Tentera Udara. Karnival Sukan ini telah berlangsung selama 6 hari dengan jayanya. Sebanyak 3 acara sukan yang telah dipertandingkan iaitu Badminton, Memanah dan Bola Tampar lelaki dan wanita.



Piala Pusingan bagi sukan Bola Tampar Kategori Wanita telah dimenangi oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) manakala bagi Bola Tampar Kategori Lelaki telah dimenangi oleh Tentera Darat Malaysia (TDM).



Acara Memanah pula, johan telah dimenangi oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan akhir sekali bagi sukan Badminton johan Kategori Berkumpulan telah dimenangi oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) manakala Johan Kategori Perseorangan Lelaki telah dimenangi oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).



Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Nasir bin Hj Abd Rahman, Ketua Jurutera Markas Tentera Darat dan diiringi oleh YBhg Bgd Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM dan seterusnya merasmikan Acara Penutup Karnival Sukan tersebut.



Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Lembaga Sukan TUDM dengan kerjasama Majlis Sukan ATM serta Kolej Tentera Udara selaku hos penganjuran bersama semua AJK, Pegawai Teknikal yang bertungkus lumus memastikan karnival ini berlangsung dengan jayanya.



